

Seminar Pemikiran Noordin Hassan

SEMINAR Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan: Menelusuri Teks, Menyingkap Fitrah akan diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, pada 22 dan 23 Mei ini.

Pegawai Perancang Bahasa DBP, Dr Mohd Hanafi Ibrahim berkata, 16 kertas kajian termasuk satu ucapatama akan dibentangkan pada seminar yang membincangkan serta mengupas secara khusus karya Sasterawan Negara (SN) Ke-7, Datuk Noordin Hassan.

"Felo Akademik Kanan, Institut Pemikir dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC), Prof Madya Datuk Dr Baharudin Ahmad, akan menyampaikan ucapatama dan Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Emeritus Datuk Dr Mohamed Ghouse Nasuruddin yang banyak mengangkat karya Noordin ke pentas akan turut membentangkan kajiannya.

"Felo Penyelidik Kanan, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Datin Dr Rahmah Bujang dan Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Prof Madya Dr Abdul Rahman Napiah," katanya dalam kenyataan melalui e-mel, baru-baru ini.

Dr Mohd Hanafi berkata, seminar yang membincangkan ketokohan dan kepengarangan karya Noordin dalam genre drama dan teater melalui penerapan pelbagai pendekatan dan teori itu turut menampilkan Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Rohani Yousoff dan Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Fadzilah Hussain.

"Kami menggabungkan sarjana dengan penggiat teater dan pengkritik drama seperti Abdul Wahab Hamzah, Rahimidin Zahari dan Siti Jasmina Ibrahim. Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Junaidah Salleh; Pengarah Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya, JKKN, Zaifri Husin," katanya.

Beliau berkata, forum turut diadakan sempena seminar itu yang menampilkan bekas Presiden Majlis Teater Kebangsaan Malaysia, Ismail Kanan; Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2011, Syed Mohd Zakir Syed Othman dan penggiat teater Che Shamsuddin Othman atau Dinsman.

Noordin dilahirkan di Georgetown pada 18 Januari 1929, mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Perak Road, Sekolah Francis Light dan Sekolah Penang Free, sebelum mengikuti Kursus Perguruan di Teacher's Training College, Kirkby, United Kingdom (UK).

Sekembalinya ke tanah air pada 1953, Noordin menghasilkan drama sulungnya, *Tak Kunjung Kembali* yang dipentaskan pelajar Sekolah Menengah Kampung Baru, Alor Setar dan beliau tidak pernah menoleh ke belakang lagi apabila menghasilkan lebih 30 drama dan koreografi tari.

Karyanya, *Bukan Lalang Ditiup*

Angin yang dihasilkan selepas Tragedi 13 Mei 1969 turut membuka dimensi baru genre itu apabila menerima kritikan dan sanjungan, manakala drama, *Jangan Bunuh Rama-rama*, dianggap sebagai antara teater fitrahnya yang paling halus, mendalam

dan indah, sekali gus memberi erti kepada pertumbuhan teater moden tanah air.

Noordin turut dianugerahi pingat Ahli Mangku Negara (AMN) pada 1979; Anugerah Penulisan SEA 1987 dan Anugerah Anak Tanjung pada 1992, sebelum disempurnakan dengan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia untuk bidang kesusasteraan, iaitu Anugerah Sastera Negara (ASN) pada 1993.

Siri Seminar Pemikiran SN anjuran DBP sejak 2004 bermula Seminar Pemikiran SN S Othman Kelantan; Seminar Pemikiran SN Keris Mas (2005); Seminar Pemikiran SN Usman Awang (2006); Seminar Pemikiran SN Shanon Ahmad (2007); Seminar Pemikiran SN A Samad Said (2008); Seminar Pemikiran SN Arena Wati (2009); Seminar Pemikiran SN Muhammad Haji Salleh (2010) dan Seminar Pemikiran SN Abdullh Hussain (2011).

Sebarangaklumat lanjut hubungi Urus Setia Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Noordin Hassan, hubungi Dr Hanafi di 03-21482471 atau e-mel hana fi@dbp.gov.my; Zullkeply (03-21482578/zullkeply@dbp.gov.my) atau Faezah (03-21482537/faezah@dbp.gov.my).



Noordin Hassan